



Semua Pegawai Pengawal,
PULAU PINANG.

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BILANGAN 4 TAHUN 2022**

**PERATURAN MENGENAI KERAIAN RASMI KERAJAAN
DAN JAMUAN KERAIAN PEJABAT**

1. Tujuan

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan-peraturan dan kadar bagi Keraian Rasmi Kerajaan (selepas ini dirujuk sebagai “Keraian Rasmi”) dan Jamuan Keraian Pejabat (selepas ini dirujuk sebagai “Keraian Pejabat”) yang boleh dibelanjakan daripada peruntukan Kerajaan Negeri oleh Jabatan-jabatan Negeri.

2. Tafsiran

Melainkan sesuatu itu jelas maksudnya di dalam pekeliling ini, tafsiran di bawah ini hendaklah diikuti:

- 2.1 “Keraian Rasmi Kerajaan” bermakna jamuan yang diadakan semasa penganjuran aktiviti dan program rasmi Jabatan Negeri yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri;

- 2.2 “Keraian Pejabat” bermakna jamuan yang diadakan semasa mesyuarat, seminar, kursus dan lain-lain majlis peringkat jabatan;

- 2.3 "Jemputan luar" bermakna wakil Kementerian/Jabatan serta wakil agensi luar yang dijemput untuk menghadiri sesuatu mesyuarat berkaitan tugas rasmi Kerajaan";
- 2.4 "Jamuan ringan" bermakna minum pagi atau minum petang;
- 2.5 "Mesyuarat" bermakna sesuatu perbincangan atau seumpamanya yang diadakan berkaitan urusan rasmi Kerajaan; dan
- 2.6 "Pakej" adalah ditafsirkan sebagai perolehan yang merangkumi kombinasi mana-mana item bagi menganjurkan majlis atau acara rasmi Kerajaan atau Keraian Pejabat dan jamuan Keraian Rasmi Kerajaan atau Keraian Pejabat seperti penginapan, makan minum, sewaan dewan atau bilik mesyuarat, penyewaan peralatan dan kemudahan lain yang berkaitan.

3. Keraian Rasmi Kerajaan

- 3.1 Keraian Rasmi Kerajaan boleh diadakan hanya bagi penganjuran aktiviti atau program berikut:
 - (a) Persidangan peringkat Antarabangsa, Kebangsaan, Negeri, Kementerian, Jabatan dan Daerah;
 - (b) Majlis Penuh Istiadat atau sambutan keraian peringkat Kebangsaan, Negeri, Kementerian, Jabatan dan Daerah yang wajib diraikan seperti Majlis penganugerahan atau pengiktirafan yang termaktub di dalam pekeliling-pekeliling Kerajaan dan sambutan

program rasmi peringkat Kebangsaan, Negeri, Daerah dan Antarabangsa berkaitan fungsi Kementerian atau Jabatan;

- (c) Lawatan rasmi orang kenamaan atau rombongan dari luar atau dalam negara yang wajib diraikan berkaitan urusan rasmi Kerajaan; atau
 - (d) Majlis perasmian dan penutupan sesuatu program rasmi Kementerian atau Jabatan.
- 3.2 Perbelanjaan maksimum bagi aktiviti dan program Keraian Rasmi Kerajaan adalah ditetapkan pada kadar **RM100.00 seorang** untuk sehari. Bayaran perkhidmatan, cukai Kerajaan dan bayaran-bayaran lain yang diwajibkan kerana mengadakan jamuan berkenaan adalah layak dituntut sebagai bayaran tambahan.
- 3.3 Bagi memastikan keseragaman kadar perbelanjaan jamuan bagi semua jabatan, maka kadar jamuan Keraian Rasmi Kerajaan adalah seperti berikut:

Perihal	Kadar Seorang (RM)
Minum Pagi	15.00
Makan Tengahari	35.00
Minum Petang	15.00
Makan Malam	35.00
Jumlah	100.00

- 3.4 Walau bagaimanapun, kadar jamuan bagi majlis rasmi yang telah ditetapkan kadarnya seperti sambutan Hari Inovasi tidak tertakluk kepada kadar Keraian Rasmi seperti di Para 3.2 dan 3.3.

4. Jamuan Keraian Pejabat

- 4.1 Jamuan Keraian Pejabat adalah jamuan yang diadakan semasa mesyuarat, seminar, kursus dan lain-lain majlis peringkat jabatan.
- 4.2 Semua Pegawai Pengawal perlu mengawal dan memastikan perbelanjaan jamuan Keraian Pejabat dilakukan secara berhemat dan langkah-langkah penjimatan yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri sentiasa dipatuhi.
- 4.3 Penyediaan jamuan semasa mesyuarat hanya dibenarkan bagi mesyuarat yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri, YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (YB MMK), YB *Ex - Officio*, Pegawai Pengawal, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) sahaja. Walau bagaimanapun, mesyuarat yang kurang daripada lima (5) jam hanya boleh disediakan jamuan ringan.

- 4.4 Kadar maksimum jamuan Keraian Pejabat yang dibenarkan bagi mesyuarat adalah mengikut kelayakan Pengerusi Mesyuarat seperti berikut:

Perihal	Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri	Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB MMK & <i>Ex - Officio</i>	Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal/TSUK
	Kadar Seorang (RM)	Kadar Seorang (RM)	Kadar Seorang (RM)
Minum Pagi	7.00	6.00	5.00
Makan Tengahari	14.00	12.00	10.00
Minum Petang	7.00	6.00	5.00
Makan Malam	14.00	12.00	10.00

- 4.5 Mesyuarat peringkat Jabatan selain daripada yang dinyatakan di Para 4.4 boleh disediakan minuman pada kadar RM1.00 seorang.

- 4.6 Kadar maksimum jamuan Keraian Pejabat bagi kursus, seminar, dan lain-lain Majlis peringkat jabatan yang dibenarkan adalah seperti berikut:

Perihal	Kadar Seorang (RM)
Minum Pagi	5.00
Makan Tengahari	10.00
Minum Petang	5.00
Makan Malam	10.00

- 4.7 Penyediaan jamuan Keraian Pejabat adalah dibenarkan bagi Perhimpunan Pagi peringkat Jabatan terhad kepada empat (4) kali setahun mengikut kadar seperti di Para 4.6.

5. Kadar Pakej

Keraian Rasmi Kerajaan dan Keraian Pejabat yang diadakan di luar premis Kerajaan adalah dibenarkan membuat tempahan pakej pada kadar maksimum seperti berikut:

Perihal	Kadar Maksimum (RM)
Pakej setengah hari (termasuk minum pagi dan makan tengah hari)	70.00
Pakej satu hari (termasuk minum pagi, makan tengah hari dan minum petang)	90.00

6. Perkara-perkara Am

Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk membuat perancangan yang rapi bagi mengadakan Keraian Rasmi seperti berikut:

- 6.1 Kekerapan mengadakan Keraian Rasmi Kerajaan dan Keraian Pejabat hendaklah dihadkan kepada aktiviti atau program atau mesyuarat rasmi yang penting dan perlu berpandukan kepada kadar dan syarat seperti di Para 3 dan Para 4 di atas;

- 6.2 Penganjuran Majlis Keraian Rasmi Kerajaan dan Keraian Pejabat digalakkan diadakan di premis atau kemudahan sedia ada Kerajaan yang bersesuaian dan dibuat secara sederhana;

- 6.3 Keraian Rasmi Kerajaan dan Keraian Pejabat yang diadakan di luar premis Kerajaan mesti mendapatkan kelulusan Jabatan Kewangan Negeri terlebih dahulu;
- 6.4 Bilangan jemputan hendaklah dihadkan kepada individu dan organisasi yang berkaitan secara langsung dengan urusan rasmi Kerajaan sahaja;
- 6.5 Hidangan minuman keras adalah tidak dibenarkan;
- 6.6 Membuat perancangan yang lebih awal untuk mengelakkan kos yang lebih tinggi;
- 6.7 Jabatan Negeri hendaklah mempunyai peruntukan yang mencukupi dan diluluskan, sentiasa mengamalkan prinsip perbelanjaan berhemat serta mematuhi peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa; dan
- 6.8 Semua peraturan perolehan dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa perlu dipatuhi.

7. Pembatalan

Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bilangan 3 Tahun 2020 dan lain-lain arahan berkaitan kadar Keraian Rasmi Kerajaan dan Keraian Pejabat yang dikeluarkan sebelum ini adalah dibatalkan.

8. Tarikh Kuatkuasa

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **10 Jun 2022**.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. MOHAMAD FARAZI BIN JOHARI)
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang

Tarikh : **9** Jun 2022

s.k.: YAB Ketua Menteri
Pulau Pinang.

YB Setiausaha Kerajaan
Pulau Pinang.